

09/10/2002

PM tidak campuri siasatan: Douglas

reports on "Dewan Rakyat" by Mohd Fuad Razali; Mohd Anwar Patho Rohman
KUALA LUMPUR, Selasa - Isu campur tangan Perdana Menteri dalam pendakwaan
sesuatu kes tidak timbul, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana
Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas.

Beliau berkata, ini kerana pendakwaan hanya dibuat apabila Peguam Negara
berpuas hati bahawa kes itu mempunyai bukti dan keterangan yang mencukupi.

Menjawab soalan Ramli Ibrahim (Keadilan-Kota Bharu) berhubung dakwaan
bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campur tangan dalam siasatan dan
pendakwaan ke atas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk
Seri Rafidah Aziz, Douglas berkata:

"Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengambil maklumat mengenai dakwaan itu
yang dibuat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Namun tiada siasatan dijalankan kerana kes yang dikaitkan dengan
Rafidah ditutup selepas Jabatan Peguam Negara mendapati tiada keterangan
mencukupi untuk meneruskan pendakwaan," katanya.

Katanya, kuasa Peguam Negara untuk mendakwa atau tidak sesuatu kes itu
termaktub dalam Artikel 145(3) Perlembagaan Persekutuan.

Douglas juga berkata, tidak adil untuk menuduh BPR tidak melaksanakan
tugas dengan cekap semata-mata kerana bilangan kes yang didakwa adalah
kecil.

Katanya, kerajaan tidak boleh dengan sewenang-wenangnya menangkap mereka
yang disyaki melakukan rasuah tanpa mengikut lunas undang-undang.

"BPR hanya menjalankan siasatan dan mengumpulkan maklumat, kemudian
diajukan kepada Peguam Negara. Terpulang kepada Peguam Negara untuk
membuat pendakwaan atau tidak.

"Kita ada kes di Kelantan, siasatan sudah dijalankan tetapi kerana
kurang bukti, maka pendakwaan tidak dijalankan," katanya.

Beliau berkata, sejak 2000 hingga Jun tahun ini BPR menjalankan 2,022
siasatan, termasuk dua kes disiasat mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961,
Akta Pencegah Rasuah 1997 (1,984), Ordinan No 22 (dua) dan Kanun Kesiksaan
(34).

"Dalam tempoh itu, BPR sudah mendakwa 401 orang yang membabitkan 214
kakitangan kerajaan, orang awam dan swasta (185) dan ahli parti politik
(dua)," katanya.